



POLISI
PENGURUSAN
AIR

EDISI PERTAMA

2025

POLISI PROGRAM KITAR SEMULA AIR **UNIVERSITI SELANGOR**

1. Pendahuluan

Sebagai institusi yang komited terhadap kelestarian alam sekitar, Universiti Selangor (UNISEL) menetapkan polisi ini untuk menggalakkan amalan kitar semula air. Polisi ini bertujuan mengoptimumkan penggunaan air di kampus melalui sistem kitar semula untuk tujuan bukan domestik seperti mengepam tandas, mencuci kenderaan, dan menyiram tanaman serta keperluan lain yang sesuai.

2. Objektif

Polisi ini dirangka untuk:

- 2.1 Mengurangkan penggunaan air bersih di kampus UNISEL melalui pengaplikasian air kitar semula.
- 2.2 Menyokong matlamat UNISEL sebagai universiti mampan dengan mengintegrasikan teknologi hijau dalam operasi kampus.
- 2.3 Meningkatkan kesedaran warga kampus mengenai kepentingan pemeliharaan sumber air.

3. Skop

Polisi ini terpakai kepada semua fakulti, jabatan, asrama, dan kemudahan di kampus UNISEL (Bestari Jaya dan Shah Alam).

4. Prinsip Utama

4.1 Penggunaan Air Kitar Semula di Kampus

Air kitar semula akan digunakan untuk:

- a) Mengepam tandas di bangunan fakulti, asrama, dan bangunan.
- b) Mencuci kenderaan universiti
- c) Menyiram tanaman dan landskap di kawasan kampus.
- d) Membersihkan kawasan

4.2 Sumber Air untuk Kitar Semula

- a. Air hujan dan air sisa dari aktiviti domestik (seperti cucian) akan dikumpul, dirawat, dan digunakan semula.
- b. Semua sistem pemprosesan mesti mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

4.3 Infrastruktur Sokongan

- a. Semua bangunan baru di UNISEL akan dilengkapi dengan sistem pengumpulan air hujan dan kitar semula air.
- b. Bangunan sedia ada akan dinaik taraf secara berperingkat untuk menyokong program ini.

4.4 Kesedaran dan Pendidikan

- a. Kempen kesedaran dan latihan akan dilaksanakan untuk staf, pelajar, dan kontraktor.
- b. Memberikan pendedahan, pendidikan dan kesedaran secara berterusan kepada keseluruhan warga Unisel.

4.5 Pemantauan dan Penilaian

- a. Pemantauan berkala akan dilakukan untuk memastikan keberkesanan sistem kitar semula air.
- b. Penilaian tahunan akan dilakukan untuk menilai pencapaian objektif program.
- c. Kakitangan yang bertanggungjawab akan memastikan perlaksaan program dan memastikan memenuhi keperluan penilaian.

5. Tanggungjawab

5.1 Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF):

- a. Merancang, memasang, dan menyelenggara sistem kitar semula air.
- b. Melaksanakan audit penggunaan air dan menyedia laporan berkala.

5.2 Fakulti dan Jabatan:

- a. Menyokong pelaksanaan sistem kitar semula air di kawasan masing-masing.
- b. Memberi pendidikan kepada pelajar mengenai kepentingan program ini.

5.3 Staf dan Pelajar:

- a. Menggunakan kemudahan air kitar semula secara bertanggungjawab.
- b. Memberi maklum balas mengenai sebarang masalah atau cadangan penambahbaikan.

6. Pelaksanaan dan Penilaian

6.1 Polisi ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa:

Fasa 1: Pemasangan sistem kitar semula air di bangunan terpilih.

Fasa 2: Pengembangan ke seluruh kampus dan peningkatan kesedaran.

Fasa 3: Penilaian keseluruhan dan pelaksanaan penambahbaikan.

6.2 Semua aktiviti akan diselaraskan dengan Pelan Strategik UNISEL ke arah universiti mampan.

7. Kesimpulan

Polisi ini adalah usaha penting untuk menjadikan UNISEL sebagai peneraju universiti mampan. Komitmen semua pihak diperlukan bagi memastikan keberkesanan program dan melindungi sumber air untuk generasi akan datang.

Disediakan Oleh Jawatankuasa Polisi Pengurusan Air UNISEL

Diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif UNISEL pada 23 Disember 2024 dan Berkuatkuasa Mulai 2 Januari 2025.